

## **IMPAK ISU ROYALTI MINYAK KELANTAN TERHADAP HUBUNGAN KERAJAAN PUSAT-NEGERI**

*(Kelantan Oil Royalty Issue and its Impact on Federal-State Relations)*

**ZAILANNI AMIT**

### **ABSTRAK**

Hasil minyak yang juga dikenali sebagai emas hitam adalah antara faktor utama yang mencetuskan konflik kerajaan pusat dan negeri. Ini dapat dilihat dalam kes di Nigeria, Sudan, dan Venezuela sehingga mencetuskan konflik dan perpecahan. Malaysia juga menghadapi konflik yang sama. Ini kerana kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan pembahagian royalti minyak yang hanya diberikan sebanyak 5% sahaja kepada kerajaan negeri dan selebihnya diambil oleh kerajaan pusat. Pertanyaannya, jika kerajaan negeri yang menerima 5% royalti dari kerajaan pusat pun tidak berpuas hati dengan bayaran royalti tersebut, bagaimana pula dengan kerajaan negeri yang tidak dibayar royalti ini? Inilah yang menjadi fokus artikel ini untuk menilai impak tuntutan kerajaan Kelantan untuk mendapatkan royalti minyak yang dijumpai di wilayah perairannya terhadap hubungan kerajaan pusat-negeri.

**Kata Kunci:** Royalti minyak, Akta Kemajuan Petroleum 1974, Kelantan, Pertonas, hubungan pusat-negeri

### **ABSTRACT**

Petroleum which is also known as black gold is one of the main factors that trigger conflict between federal and state governments. This can be seen in the case of Nigeria, Sudan, and Venezuela that cause conflict and disunity. Malaysia also faces similar conflicts. This is because the state government is not satisfied with the 5% oil royalties given by the federal government to the state. The question is, if the state government which receives 5% of the oil royalties from the central government is not satisfied with the amount, what about the state government which is not given any royalty? This article assesses the Kelantan government claims to get oil royalties that are found in its territory, and its impact on centre-state relations.

**Keywords:** Oil royalty, Petroleum Development Act 1974, Kelantan, Petronas, centre-state relations

## **PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara persekutuan yang mempunyai 13 buah negeri yang kuasa pentadbirannya dibahagikan kepada kerajaan negeri dan kerajaan pusat berasaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Sebagai sebuah negara persekutuan, satu faktor yang menyebabkan berlakunya hubungan tegang antara kerajaan pusat dan negeri adalah perbezaan politik dan ideologi, khususnya apabila kerajaan negeri diperintah oleh parti yang tidak sama. Ini boleh dilihat dalam kes tuntutan kerajaan Kelantan menuntut bayaran royalti minyak daripada kerajaan pusat yang menafikan pembayaran wang royalti tersebut. Tindakan kerajaan pusat ini telah menimbulkan beberapa implikasi kepada pembangunan Kelantan dan hubungan antara kerajaan pusat-negeri. Artikel ini menilai hal ini.

## **FAKTOR KELANTAN MENUNTUT ROYALTI MINYAK**

Minyak telah dijumpai di negeri Kelantan pada tahun 1990-an dan mulai tahun 1997, Petronas mula mendapatkan hasil minyak daripada negeri itu. Sehingga tahun 2005, Petronas telah tertunggak membayar royalti petroleum dan gas sebanyak 5 peratus kepada kerajaan Kelantan sebanyak RM7 bilion (Nazri Deraman 2012). Justeru mempunyai sumber kewangan yang terhad dan kerajaan negeri menyedari royalti minyak adalah haknya di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, maka kerajaan negeri menuntut kerajaan pusat membayar wang royalti minyak kepadanya.

Betulkah Petronas ada menggali minyak dari perairan Kelantan? Mengikut Husam Musa (2013), hal ini adalah betul. Katanya, Petronas ada menggali minyak di kawasan Medan Lawit, Medan Jerneh dan Medan Bintang dalam sempadan Kelantan-Terengganu. Ini termasuklah Blok PM301 dan PM302 yang dimiliki 100 peratus oleh Kelantan tanpa pertindihan dengan mana-mana negeri lain. Penemuan gas di blok PM301 adalah di zon Bunga Kamelia, Bunga Zetung, Bunga Anggerik, Bunga Kesumba, Bumi South dan Bunga Melati. Manakala, penemuan gas di blok PM302 pula adalah di zon Bergading, Bunga Dahlia dan Bunga Teratai(Dlm. Nazri Deraman 2013).

Satu lagi ialah Blok PM3 atau dikenali dengan nama Commercial Arrangement Area yang bertindih di antara Malaysia dan Vietnam. Kawasan ini melibatkan usaha sama cari gali di mana Petronas memiliki 46.06% di Blok PM-3 dan 36.85% di Blok 46-Cai Nuoc. Kerja pengeluaran minyak bermula pada tahun 1997 bagi Fasa 1 dan Fasa 2 dan 3 mencapai kemuncaknya pada tahun 2004. Ia melibatkan kerja-kerja di telaga West Bunga Kekwa, East Bunga Kekwa-Cai Nuoc, East Bunga Raya, West Bunga Raya, NW Bunga Raya dan Bunga Seroja dengan kapasiti pengeluarannya sebanyak 60,000 tong minyak sehari. Gas yang dibeli oleh Petronas dari kawasan ini dihantar melalui paip 24 inci sejauh 170km ke Platform Resak di negara Vietnam (Hasani 2013). Bukti ini menunjukkan minyak itu terletak di perairan Kelantan dan inilah faktor utama kerajaan negeri menuntut bayaran royalti minyak dari kerajaan pusat.

Kedua, Seksyen 4 Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah menetapkan supaya Petronas hendaklah membuat apa-apa pembayaran wang tunai kepada kerajaan negeri sebagai balasan bagi pemunyaan dan hak bagi negeri tersebut. Berasaskan peruntukan ini, pembayaran wang tunai kepada negeri-negeri yang perairannya mempunyai minyak telah dibuat sejak Akta ini dimeterai lagi. Malah, berdasarkan soal jawab Parlimen bertarikh 12 November 1975, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Razak telah menjelaskan tiap-tiap negeri akan menerima lima peratus daripada nilai petroleum yang dijumpai dan diperolehi di negeri masing-masing sama ada yang diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut (Ariffin 1992). Dari segi sejarah, pembayaran royalti minyak kepada kerajaan Terengganu telah dibuat walaupun pelantar cari gali minyaknya berada di luar dari tiga batu nautika. Pelantar minyak negeri Terengganu terletak 220 kilometer di perairan Laut China Selatan sedangkan pelantar minyak di Kelantan terletak 170 kilometer di Zon Ekonomi Eksklusif yang diusahakan antara Petronas dengan kerajaan Thailand di Laut China Selatan/Teluk Siam.

Ketiga, perjanjian antara Menteri Besar dengan Pengerusi Petronas pada tahun 1975 telah mengikat Petronas untuk memberi lima peratus royalti kepada kerajaan negeri seperti mana Petronas membayar wang royalti kepada kerajaan Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Terengganu, kerajaan pusat telah membayar wang royalti kepada negeri tersebut bermula pada tahun 1978 lagi sehinggalah pemberian tersebut diubah kepada wang ehsan pada tahun tahun 2000. Harus ditegaskan, perjanjian pada tahun 1975 menyebut bentuk pembayarannya ialah wang tunai, bukannya wang ehsan. Wang ehsan dan royalti adalah berbeza kerana wang ihsan memberi makna pemberian simpati sedangkan wang royalti adalah wang yang mesti dibayar hasil daripada perjanjian dan perundingan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Wang royalti hendaklah dibayar kepada kerajaan yang mentadbir secara sah di sesebuah negeri berkenaan. Sebaliknya, pembayaran wang ehsan kepada jabatan persekutuan yang beroperasi di negeri membuka peluang kepada pembaziran, pertindihan dan penggunaan wang secara tidak optimum kerana perancangan dan pembangunan untuk rakyat di negeri adalah dipimpin oleh kerajaan negeri.

Keempat, kerajaan pusat mestilah bersikap adil menegakkan konsep federalisme kepada semua negeri di Malaysia. Dalam amalan federalisme, negeri yang berada dalam persekutuan mempunyai bidang kuasa sendiri untuk membolehkan mereka mentadbir urusan bidang kuasa mereka dengan berkesan. Melalui hubungan yang jelas, baik dan terjamin inilah amalan federalisme dapat ditegakkan kerana perlembagaan telah menetapkan kerajaan negeri mempunyai bidang kuasanya sendiri yang tidak boleh dicabul oleh kerajaan pusat.

Mohammad Agus (2009) dalam analisisnya menyatakan Kelantan mempunyai hak ke atas hasil petroleum yang dijumpai di wilayah perairannya kerana perjanjian UNCLOS 3 (United Nations Convention on the Law of the Sea) 1982 yang ditandatangani oleh Malaysia menetapkan negeri mempunyai hak ke atas Zon Ekonomi Eksklusif yang menjangkau jarak sehingga 200 batu nautika. Peruntukan UNCLOS ini secara langsung menolak hujah kerajaan pusat yang menyatakan kawasan tiga batu nautika sahaja dari kawasan pantai. Jika kerajaan pusat menggunakan Akta Darurat 1969 yang menyatakan kawasan perairan negeri adalah sejauh tiga batu nautika sahaja dari perairan pantai, hujah

ini adalah mengelirukan kerana Akta Darurat yang digubal pada tahun 1969 itu adalah khusus kerana ketika itu Akta Kemajuan Petroleum 1974 masih tidak wujud (Mohammad Agus 2009).

Akta Kemajuan Petroleum 1974 tersebut yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 1974 telah membawa kepada tertubuhnya Petronas dan diserahkan hak petroleum yang didapati dan diperolehi di daratan atau luar pantai Malaysia kepada Petronas. Tidak dinyatakan sama sekali sama ada di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 tentang sekatan hak setiap negeri untuk menerima bayaran tunai bagi pengeluaran petroleum di luar pantainya berdasarkan kepada jarak dari pantai. Hal ini juga selaras dengan perjanjian kerajaan Kelantan dengan Petronas pada 9 Mei 1975 seperti berikut:

Bahawasanya kerajaan dan Petronas adalah ingin hendak membuat suatu perjanjian menurut seksyen 4 Akta tersebut di atas berkenaan dengan pembayaran wang tunai yang akan dibuat oleh Petronas kepada kerajaan sebagai balasan bagi pemunyaan dan hak-hak, kuasa-kuasa, kebebasan-kebebasan dan keistimewaan-keistimewaan yang diletakhakkan seperti tersebut di atas mengenai petroliam.

Hasil perbincangan di atas telah menjelaskan empat faktor utama kerajaan negeri menuntut bayaran royalti minyak dari kerajaan pusat. Pertama, kerana petroleum digali di kawasan perairannya. Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974, wang royalti mesti diberikan kepada kerajaan negeri sekiranya petroleum yang digali berada di dalam kawasan perairan kerajaan negeri tersebut. Kedua, dakwaan kerajaan pusat bahawa negeri Kelantan tidak layak mendapat royalti petroleum kerana petroleum yang dikeluarkan berada di luar kawasan perairan negeri adalah satu kenyataan yang tidak merujuk kepada sejarah asal tentang pemberian wang royalti minyak kepada kerajaan negeri. Ini kerana perjanjian yang telah ditandatangani Menteri Besar Kelantan pada tahun 1975 dengan Pengerusi Petronas tidak menetapkan perkara ini sebagai syarat. Ketiga, asal perjanjian pada tahun 1975 menyebut pembayaran yang sepatutnya dibayar dari hasil petroleum yang dikeluarkan adalah wang tunai, bukannya wang ehsan. Oleh itu, menjadi hak kerajaan negeri mendapatkan wang tunai dan bukannya wang royalti. Keempat, tuntutan yang tidak dipenuhi secara adil ini jelas bertentangan dengan konsep federalisme yang diamalkan di Malaysia. Wang royalti seharusnya diberikan oleh kerajaan pusat kepada kerajaan negeri bagi membolehkan kerajaan negeri menjadikan wang ini sebagai sumber untuk mentadbir negeri. Setelah kerajaan pusat menolak tuntutan royalti minyak ini, apakah pula kesannya terhadap kerajaan negeri? Bahagian seterusnya meneliti hal ini.

## **IMPAK KE ATAS PEMBANGUNAN KELANTAN**

Tindakan kerajaan pusat menafikan hak royalti Kelantan telah memberikan beberapa kesan besar kepada perancangan kerajaan negeri untuk membangunkan negeri Kelantan. Ini kerana kerajaan negeri tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk melaksanakan pembangunannya kerana bayaran royalti minyaknya dinafikan oleh kerajaan pusat. Justeru pendapatan kerajaan negeri terbatas, maka banyak projek pembangunan negeri

Kelantan tergendala akibat kekurangan dana dan peruntukan. Pertama ialah projek Lebu Raya Kota Bharu ke Kuala Krai. Lebu raya ini sebenarnya bukanlah perkara baharu kerana cadangan untuk membinanya telah dikemukakan sejak Rancangan Malaysia Kelima lagi, tetapi tertangguh dengan pelbagai alasan daripada kerajaan pusat. Misalnya, Datuk Seri Shahziman Abu Mansor, selaku Menteri Kerja Raya memberikan alasan bahawa anggaran kos yang tinggi iaitu sebanyak RM5.5 billion menyebabkan kerajaan pusat memutuskan supaya projek ini dilaksanakan secara berfasa (Najman 2013). Beliau turut menyatakan kerajaan pusat tidak pernah membatalkan projek lebu raya itu, sebaliknya hanya menangguhkan untuk penilaian semula dan ditangguhkan lagi pada RMK-11 (Jamilah Hamzah 2012). Namun bagi rakyat Kelantan, mereka menyedari projek lebu raya ini digugurkan daripada perancangan kerajaan pusat berikutan kekalahan kerajaan Barisan Nasional di negeri Kelantan kepada gabungan PAS dan Semangat 46 semasa Pilihan Raya Umum 1990 (Rosmiza 2013).

Justeru, bagi menjayakan pembinaan lebu raya ini, maka kerajaan negeri telah mengambil pelbagai inisiatif, termasuklah mengadakan perbincangan dengan kerajaan Persekutuan tentang kos pengambilan tanah dan lainnya. Hasil daripada perbincangan ini, maka kerajaan pusat telah melantik kontraktor Pandan Indah dan tiga perunding untuk membuat kajian awal bagi melaksanakan pembinaan lebu raya ini. Sejumlah RM50 juta telah dibelanjakan untuk membayar perunding-perunding bagi menyediakan laluan jajaran *survey* tentang lot-lot tanah yang terlibat, penilaian tanah yang terlibat dan reka bentuk kejuruteraan semua jambatan, *interchange* dan jalan itu sendiri. Kontraktor tersebut telah pun datang berunding dengan kerajaan negeri dan melantik subkontraktor dan jurutera perancang masing-masing bagi menjayakan projek ini (Najman 2013). Walau bagaimanapun, cadangan peruntukan ini telah ditarik balik setelah Datuk Seri Najib Razak menjadi Perdana Menteri keenam tanpa sebab yang munasabah (Khairul Faizi 2012). Tindakan kerajaan pusat ini menyebabkan rakyat Kelantan susah untuk berhubung dengan jalan yang sesak dan membahayakan, terutamanya semasa perayaan hari raya.

Disebabkan terlalu lama menunggu untuk melihat pembinaan lebu raya tersebut menjadi realiti dan kadar kemalangan yang semakin meningkat dalam laluan Kota Bharu ke Kuala Krai, maka kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk membina sendiri lebu raya tersebut sepanjang 73 kilometer (45 batu) yang menghubungkan bandar raya Kota Bharu dengan Kuala Krai. Mengikut perancangannya, lebu raya ini dibina sebagai lebu raya kembar empat lorong dengan kawalan masuk penuh, dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri tanpa sebarang kutipan tol. Selain itu, dana pembinaan lebu raya ini juga dilakukan melalui sumbangan wakaf daripada orang ramai menyebabkan ia dipanggil sebagai Lebu Raya Rakyat (Husam 2012).

Fasa pertama dari Bukit Tiu ke Kuala Krai dibina terlebih dahulu memandangkan bahagian tersebut melalui tanah milik kerajaan negeri sekali gus menghapuskan kos pengambilan tanah. Fasa kedua ialah dari Bukit Tiu ke Pasir Hor dan fasa ketiga dari Pasir Hor ke Kota Bharu. Fasa ketiga merupakan bahagian terakhir pembinaan ini kerana bahagian tersebut merupakan lebu raya bertingkat yang dibina di atas laluan Persekutuan sedia ada yang menjadikannya sebagai jajaran termahal di dalam lebu raya tersebut.

Keseluruhan lebuhraya berkenaan dijangka siap pada tahun 2015 setelah mengambil kira faktor musim tengkujuh (Husam 2012).

Sehubungan dengan pengumuman untuk melaksanakan lebuhraya ini, maka majlis pecah tanah pembinaannya telah dilakukan oleh Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 28 Mei 2012. Upacara pecah tanah pembinaan Lebuhraya Rakyat tanpa tol ini bermula dari Kota Bharu ke Kuala Krai sejauh 73 kilometer bagi memberi manfaat kepada rakyat dengan anggaran kos RM1.8 bilion (Jamilah Hamzah 2012). Langkah terakhir ini dilakukan setelah kerajaan negeri telah putus harap dengan sikap kerajaan pusat yang terus mengenyepikan hak rakyat di Kelantan selama ini.

Walau bagaimanapun, majlis pecah tanah tersebut dikritik oleh pimpinan kerajaan persekutuan dengan mendakwa projek lebuhraya berkenaan hanyalah sekadar gimik politik kerajaan negeri sahaja. Antara pemimpin BN yang mengkritik projek ini adalah Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Datuk Awang Adek Hussin (Bernama 21 Ogos 2012). Bagi Datuk Seri Mustapa Mohamed, beliau sangsi dengan kemampuan kerajaan PAS Kelantan membina lebuhraya melibatkan kos besar dan menyifatkannya sebagai gimik politik. Bagi beliau, tanpa dana daripada kerajaan pusat, kerajaan negeri tidak mampu membinanya dan ia dilihat seperti janji semata-mata tanpa melihat keseluruhan aspek perbelanjaan. Pimpinan kerajaan pusat juga mengkritik penggunaan kaedah wakaf bagi mendapatkan dana pembinaan lebuhraya kerana pembinaan lebuhraya yang bergantung kepada duit rakyat semata-mata tidak mencukupi. Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Awang Adek Hussin pula mempunyai pandangan yang sama. Katanya:

Walaupun ada syarikat yang mampu, ia perlu membuat pinjaman daripada bank dan bank tentunya nak tahu syarikat itu nak ambil duit daripada mana untuk bayar balik pinjaman. Realitinya, kerajaan Kelantan hari ini pun banyak bergantung kepada kerajaan pusat dalam menggerakkan ekonomi negeri (Anuar Azman 2013).

Menteri Besar Kelantan, Nik Abdul Aziz mengkritik pimpinan kerajaan pusat ini. Dalam kenyataannya selepas menyempurnakan majlis pecah tanah pembinaan projek lebuhraya rakyat, beliau menyatakan: “Janji kerajaan pusat selama ini untuk membina lebuhraya hanya sekadar janji semata-mata. Tanpa menunggu kerajaan pusat, kita yakin dapat melaksanakan projek bernilai RM1.8 bilion ini walaupun tidak sepenuhnya melalui sumbangan rakyat (Asma Husin 2012).

Justeru isu pembinaan lebuhraya ini menjadi hangat dan topik perbualan utama rakyat Kelantan, maka menjelang PRU-13, semasa lawatannya ke Kota Bharu pada Januari 2012, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan projek lebuhraya tersebut sebagai salah satu daripada tujuh projek mega kerajaan persekutuan yang dijanjikannya kepada Kelantan sekiranya BN berjaya memerintah Kelantan selepas pilihan raya umum ke-13 (Berita Harian 20 Januari 2013). Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed juga menyatakan:

Saya telah diarah oleh Dato' Seri Najib untuk meneliti cadangan pembinaan Lebu Raya Rakyat termasuk dari aspek teknikal. Saya akan jumpa Unit Perancang Ekonomi (EPU), kita dimaklumkan kos sekitar RM2 bilion, lagi lama kita tunggu kos akan naik. Semua ini bakal dilaksanakan sekiranya BN menang dalam pilihan raya ke 13 nanti (Berita Harian 20 Januari 2013).

Janji pemimpin pusat tersebut dikecam hebat oleh kerajaan negeri kerana ia merupakan janji bersyarat. Ini kerana akibat tindakan kerajaan pusat enggan membiyai kos pembinaan lebu raya di atas, maka ia memberi kesan kepada rakyat Kelantan. Dari segi pembangunan, ketiadaan infrastruktur ini menyebabkan Kelantan gagal menarik pelabur untuk datang ke Kelantan, sekali gus menutup ruang pekerjaan kepada rakyat. Selain itu, ini juga menyebabkan hasil pertanian penduduk kampung di daerah Gua Musang dan Kuala Krai gagal dibawa ke bandar-bandar dengan cepat untuk diniagakan. Ia juga menggagalkan hasrat kerajaan Kelantan untuk mempromosikan eko pelancongan kepada pelancong. Ini kerana kemudahan jalan rayanya yang tidak baik. Dari segi keselamatan, ini menyebabkan laluan Kota Bharu–Kuala Krai mengambil masa yang lama kerana jalannya yang selalu sesak, khususnya sewaktu perayaan apabila anak-anak Kelantan pulang dari perantauan untuk menyambut hari raya di kampung. Kesesakan ini juga menyebabkan meningkatnya kemalangan yang berlaku di laluan ini. Tidak cukup dengan itu, justeru kesesakan jalan, maka perjalanan dari Kota Bharu–Kuala Krai sebagai laluan rakyat untuk ke Kuala Lumpur mengambil masa lama dan panjang.

Sekiranya lebu raya ini dapat dibina, maka tentunya ini membolehkan kos pemanduan kepada penduduk setempat dikurangkan. Ini kerana pemandu kenderaan dan lori yang menggunakan lebu raya ini tentunya dapat menjimatkan masa, mengurangkan risiko kemalangan dan kos operasi kenderaan. Malah kajian yang dijalankan oleh Universiti Malaya menunjukkan secara keseluruhannya masa perjalanan dapat dijitakan RM0.279 per kilometer apabila pemandu beralih dari jalan raya biasa kepada lebu raya. Selain itu, kajian ini juga mendapati kerajaan dapat menjimatkan kos kemalangan kira-kira RM0.044 per kilometer apabila pemandu memandu di lebu raya (Azman Anuar 2013). Hakikatnya, memandu di lebu raya adalah antara alternatif yang selamat berbanding menggunakan jalan raya yang kurang ciri-ciri keselamatannya. Faktor utamanya adalah lebu raya mempunyai lebih banyak lorong dan bersaiz lebar serta kurang selekoh berbanding dengan jalan raya biasa. Malah laluan keluar masuk lebu raya lebih terkawal. Selain itu, kadar kesesakan lalu lintas juga dapat dikurangkan sekiranya lebu raya dibina di Kelantan.

Huraian di atas menunjukkan kenggan kerajaan pusat memberikan bayaran royalti minyak kepada kerajaan Kelantan menyebabkan ia membantut hasrat kerajaan negeri menyediakan kemudahan pengangkutan kepada rakyatnya. Selain gagal melaksanakan projek lebu raya ini, kerajaan Kelantan juga gagal membantu pendidikan rakyat Kelantan yang miskin. Sekiranya mempunyai dana, tentunya kerajaan Kelantan dapat memberikan sumbangan yang lebih banyak kepada anak-anak yang cemerlang dalam peperiksaan—baik itu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan di institusi pengajian tinggi. Dengan bantuan ini,

maka kerajaan negeri dapat membantu ibu bapa yang miskin mengurangkan kos yuran, memberikan bantuan alat tulis serta pakaian bagi pelajar yang kurang berkemampuan dan sebagainya. Oleh itu, kerajaan negeri Kelantan telah mengisytiharkan pendidikan percuma bakal diberi kepada semua anak kelahiran Kelantan bermula dari peringkat rendah, menengah, universiti dan pengajian lanjutan sekiranya royalti minyak diberikan oleh kerajaan pusat.

Satu lagi projek pembangunan kerajaan Kelantan yang tidak dapat dilaksanakan akibat ketiadaan dana ini ialah projek pembinaan sebuah stadium baharu bagi menggantikan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV, Kota Bharu. Mengikut Arif Hakimi (2013), padang bola sepak Stadium Sultan Muhammad adalah stadium tertua di Malaysia dan tertua di benua Asia mengikut usia penggunaan padang tersebut. Padang Stadium Sultan Muhammad Ke-IV mula digunakan pada tahun 1946 iaitu setelah penubuhan Kelantan Amateur Football Association (KAFA) pada tahun yang sama. Ketika itu ianya dikenali sebagai Padang KAFA dan digunakan sebagai padang perlawanan bola sepak setiap kali pasukan Kelantan beraksi. Pada tahun 1965, kerajaan negeri Kelantan telah memutuskan untuk membina sebuah stadium bagi kegunaan pasukan Kelantan dengan kos pembinaan sebanyak RM1.7 juta. Selepas terbينanya stadium ini, padang KAFA ditukar nama kepada Stadium Sultan Muhammad Ke-IV seterusnya menjadi gelanggang buat Pasukan Kelantan FA beraksi dalam pentas bola sepak negara sehingga sekarang.

Justeru, pembinaan Stadium Sultan Mahmud telah lama dan dengan meningkatnya aktiviti sukan bola sepak di negeri Kelantan, maka Persatuan Bola Sepak Amatur Kelantan (KAFA) telah mengumumkan perlunya sebuah stadium baharu bagi menggantikan Stadium Sultan Muhammad ke-IV yang telah uzur dan tidak mempunyai kemudahan asas moden. Bagi memenuhi keperluan semasa, pihak KAFA telah mengemukakan satu permohonan kepada unit perancangan ekonomi negara dalam mendapatkan dana kewangan untuk membina sebuah stadium baharu di Mukim Gading Galoh Jajahan Machang, namun permohonan tersebut tidak mendapat reaksi positif dari kerajaan pusat. Oleh itu, menjelang PRU-13, pada 18 Mei 2011, Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengumumkan akan membina sebuah stadium yang memuatkan 40,000 orang di samping ruang masjid di Bukit Merbau, Pasir Puteh (Nazri Deraman 2012). Dalam pengumuman itu, Nik Aziz menyatakan keyakinannya, dapat membangunkan stadium tersebut sekiranya kerajaan pusat memberi bayaran royalti minyak kepada kerajaan Kelantan.

Walau bagaimanapun, kerajaan pusat tetap tidak memberikan royalti minyak tersebut. Ini kerajaan pusat melihat tindakan ini adalah satu gimik politik yang dikemukakan kerajaan negeri PAS semata-mata kerana PRU-13 bakal tiba. Ariff Hakimi (2013), Naib Presiden Himpunan Siswazah Kelantan (Himsak) menyatakan pembinaan stadium ini tidak logik jika dilihat pada kemampuan ekonomi kerajaan PAS Kelantan.

Selain isu pembinaan stadium, masalah air bersih juga merupakan isu utama di Kelantan. Terdapat tiga faktor yang menyumbang kepada wujudnya masalah air ini. Pertama, jumlah penduduk di Kelantan semakin hari semakin meningkat, sedangkan pam air sudah tidak mampu menampung bebanan air untuk diproses. Kedua, berlakunya kebocoran paip



telah menjejaskan simpanan air di tangki utama. Ketiga, kerajaan negeri tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyediakan paip dan juga tangki air yang baharu. Ini kerana kerajaan negeri memerlukan kos kira-kira RM2 bilion bagi membekalkan air kepada 85 peratus rakyatnya, manakala ketika ini kerajaan negeri hanya berkeupayaan membekalkan bekalan air kepada 64 peratus daripada kira-kira 1.6 juta penduduk selepas menerima peruntukan sebanyak RM603 daripada kerajaan pusat (Yulpisman Asli 2013).

Masalah bekalan air di Kelantan dapat diselesaikan sekiranya kerajaan pusat menyalurkan dana royalti kepada kerajaan negeri. Akibat tidak mendapat dana yang mencukupi dari kerajaan pusat, kerajaan Kelantan juga tidak dapat menyediakan kebersihan bandar kerana kekurangan dana untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan. Mohammad Agus (2013) menyatakan pelbagai masalah kebersihan berlaku di negeri Kelantan seperti kutipan sampah sarap tidak terurus, tandas awam kotor, tempat buang sampah dan tong sampah di bandar-bandar tidak disediakan, restoran dan kedai makan kotor, persekitaran kedai makan penuh dengan tikus dan lalat dan sebagainya. Bagi Mohammad Agus, walaupun kerajaan negeri mempunyai masalah kewangan, namun masalah kebersihan ini perlu diselesaikan secepatnya oleh kerajaan negeri tanpa menunggu tindakan daripada kerajaan pusat.

Huraian di atas menunjukkan kesan tindakan kerajaan pusat menolak bayaran royalti minyak kepada Kelantan ini betul-betul telah menyebabkan negeri ini tidak berupaya untuk menjaga kebersihan negeri. Ini adalah antara kesan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Kelantan akibat dari sikap kerajaan pusat yang menafikan peruntukan pembangunan kerajaan negeri Kelantan semata-mata kerana wujudnya perbezaan fahaman politik antara dua pengikut kerajaan tersebut.

Selain masalah kebersihan, masalah jalan di kampung yang tidak dibaiki juga masih wujud di negeri Kelantan. Misalnya seperti jalan di Kampung Gajah Mati, Mahligai telah rosak dan keadaan ini telah berlaku lebih 10 tahun tanpa wujud sebarang pembaikan. Jalan yang rosak sejauh lebih enam kilometer ini turut membahayakan pengguna terutama penunggang motosikal apabila wujudnya lopak dan lubang di kiri kanan jalan, digenangi air hujan sehingga berlaku kemalangan (Torek Sulong 2011). Mohammad Agus (2013) pula menyatakan papan tanda di sekitar Kelantan kelihatan uzur, kurangnya rumput dan pokok-pokok bunga sekitar jalan, jalan-jalan di kampung masih belum dinaik taraf sepenuhnya dan sebagainya. Sekiranya perkara ini dibiarkan berterusan, ia dapat membawa risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya yang menggunakan jalan tersebut.

Bagi rakyat Kelantan, isu ini sudah lama disuarakan tetapi masih tiada lagi tindakan efektif dilaksanakan oleh kerajaan pusat dan negeri bagi membaikinya. Hasil perbincangan telah menunjukkan berlakunya hal ini adalah kerana kerajaan negeri tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menaik taraf kemudahan yang diperlukan oleh rakyat kerana tidak ada bantuan kewangan dari kerajaan pusat, termasuklah kengganannya kerajaan pusat untuk membayar wang royalti minyak kepada kerajaan Kelantan. Kerajaan

negeri pula terpaksa bergantung kepada bantuan kewangan dari kerajaan pusat kerana kuasa kewangan adalah terletak di tangan kerajaan pusat.

Masalah kemiskinan di Kelantan juga merupakan salah satu isu penting yang berlaku di Kelantan. Prof. Dr. Ibrahim Che Omar dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mendapati Kelantan adalah negeri ketiga termiskin selepas Sarawak dan Sabah dengan bilangan penduduk miskin lebih 58,000 orang, manakala 1,800 daripadanya dalam kategori miskin tegar (Berita Harian 16 Mac 2013). Rakyat di Kelantan masih lagi tidak mendapat bantuan yang mencukupi dan penduduknya ramainya berhijrah ke luar kerana kurangnya sumber pendapatan di Kelantan. Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan perkapita Malaysia 2014 mengikut negeri menunjukkan pendapatan perkapita rakyat Kelantan adalah terendah berbanding semua negeri iaitu RM10,677. Ini kerana kerajaan negeri tidak mendapat peruntukan yang mencukupi dari kerajaan pusat termasuklah tiadanya wang royalti minyak.

Kenyataan di atas menunjukkan Kelantan adalah antara negeri yang termiskin di Malaysia. Salah satu faktor penting kemiskinan tersebut adalah disebabkan oleh sikap kerajaan pusat yang menyekat bantuan kewangan kepada kerajaan negeri Kelantan, termasuklah menolak bayaran royalti minyak kepada negeri Kelantan. Tindakan ini menunjukkan kerajaan pusat tidak peka dengan realiti kemiskinan rakyat Kelantan disebabkan oleh perbezaan fahaman politik sehingga sanggup menafikan hak wang royalti walaupun Kelantan amat memerlukannya bagi membasmi kemiskinan di negeri itu.

Di akhir analisisnya, tindakan kerajaan pusat menafikan wang royalti minyak telah mendatangkan kesan kepada pembangunan Kelantan. Ini kerana penafian tersebut mengakibatkan kurangnya dana bagi projek pembinaan lebuh raya rakyat, dana pendidikan tidak dapat disalurkan dengan baik kepada individu yang kurang berkemampuan, projek pembinaan stadium baharu tertangguh, masalah bekalan air tidak dibaiki dengan sebaiknya, isu kebersihan tergendala dan masalah kemiskinan tidak berjaya dibasmi dengan jayanya. Sekiranya kerajaan negeri dibayar wang royalti minyak yang dituntutnya, tentu sekali kerajaan negeri dapat merancang untuk menggiatkan pembangunan Kelantan dan Kelantan tidak berada di tahap kemunduran seperti mana sekarang. Justeru itulah, maka hubungan kerajaan pusat dengan negeri sentiasa berada dalam keadaan yang tidak harmoni.

## **IMPAKNYA KE ATAS HUBUNGAN KERAJAAN PUSAT-NEGERI**

Selain kesannya kepada pembangunan negeri, konflik tuntutan royalti minyak Kelantan juga telah menimbulkan kesan terhadap hubungan kerajaan pusat dengan negeri Kelantan. Apakah implikasi tersebut? Pertama, tindakan kerajaan pusat tersebut telah mencabul sistem federalisme negara kerana tindakan ini dibuat tanpa konsultasi dengan kerajaan Kelantan. Tindakan kerajaan pusat menafikan pembayaran wang royalti dan menubuhkan JPP untuk membelanjakan wang tunai kepunyaan kerajaan Kelantan dilihat tidak mengiktiraf pilihan rakyat Kelantan dan juga sebagai pencabulan kepada kedaulatan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri daripada tiga belas buah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Biarpun kerajaan pusat menyatakan tindakannya ini tidak berlawanan dengan

peruntukan perlembagaan, namun hasil analisis telah menunjukkan politik tindakan ini dibuat semata-mata atas alasan politik untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa kerajaan Kelantan gagal melaksanakan pembangunan negeri melainkan kerajaan pusat (lihat Mohammad Agus 2009; Raja Nur Alaini 2012).

Bagi penganalisis undang-undang pula, mereka berpendapat tindakan kerajaan pusat adalah berlawanan dengan Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kuasa pemerintahan kerajaan pusat tidak boleh melampaui apa-apa perkara yang berada dalam kuasa negeri. Mohd Salleh Abas (2010), bekas ketua Hakim Negara menyamakan tindakan ini sebagai tindakan kudeta ke atas kerajaan negeri yang *de facto*. Tengku Razaleigh (2012) pula menyatakan wang yang diambil oleh kerajaan pusat untuk diberi terus kepada rakyat Kelantan melalui JPP ini sebagai wang rompak dan bukannya wang ihsan. Daripada kedua-dua kenyataan di atas, jelas tindakan yang dilakukan oleh kerajaan pusat ini melanggar undang-undang yang ditetapkan dan mencabul hak rakyat di negeri Kelantan.

Tindakan kerajaan pusat ini juga melanggar prinsip federalisme yang sepatutnya dipraktik di Malaysia. Bagi negara Malaysia yang mengamalkan sistem persekutuan berasaskan prinsip demokrasi, royalti minyak tidak seharusnya dinafikan kerajaan pusat walaupun berbeza fahaman politik dengan kerajaan negeri. Bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, hak rakyatnya sentiasa perlu dijaga oleh pemerintah. Ia selari dengan hujah Shafruddin (1997) yang menyatakan demokrasi adalah pemerintahan 'oleh rakyat' dan bukannya ditentukan oleh elit-elit tertentu. Merujuk kepada perkataan 'oleh rakyat', ianya bermaksud kuasa pemerintahan tidak lagi mutlak berada di tangan raja, pemerintah, atau pun diktator. Ini kerana 'oleh rakyat' itu sendiri merujuk kepada seluruh warga negara. Dalam isu di atas, demokrasi di Malaysia dilihat belum lagi berada di tahap yang memuaskan kerana hak yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat dinafikan.

Kedua, tindakan kerajaan pusat di atas juga mempunyai implikasi ke atas sempadan negeri. Jika kemudiannya mahkamah mendapati perairan yang luas menjadi pertikaian hak Kelantan, maka tindakan kerajaan pusat ini adalah tidak sah mengikut Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan kerana mengubah sempadan perairan negeri yang hanya boleh dilakukan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja. Dalam hal ini, tidak wujud persetujuan daripada Majlis Raja-Raja. Tindakan kerajaan pusat menyatakan hak Sabah dan Sarawak ke atas wang royalti adalah tidak sama dengan hak Kelantan mempunyai implikasi yang besar dari segi kedudukan negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia. Apakah sebabnya? Ini kerana Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan Persekutuan Malaysia adalah terdiri dari tiga belas buah negeri. Dalam hal ini, sekiranya prinsip federalisme yang baik benar-benar dihayati, maka tidak wujud unsur diskriminasi kerajaan pusat terhadap kerajaan negeri disebabkan berbezanya fahaman politik.

Ketiga, disebabkan wang royalti yang sepatutnya diterima rakyat Kelantan tidak diberi dan tidak mengikut amalan konsep federalisme yang adil, maka kerajaan negeri tidak dapat melaksanakan perancangan dasar-dasarnya untuk memberi kebaikan dan pembangunan kepada rakyat. Misalnya seperti pembinaan stadium baharu, pembinaan lebuhraya rakyat dan projek meningkatkan tahap kebersihan negeri. Ini kerana projek-

projek ini hanya dapat dilaksanakan setelah kerajaan negeri mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan pusat, sama ada itu dalam bentuk wang royalti atau lainnya kerana kuasa kewangan terletak di bawah bidang kuasa kerajaan pusat.

Keempat, tindakan kerajaan pusat menafikan wang minyak royalti menyebabkan pelabur asing enggan datang untuk melabur di negeri Kelantan. Antaranya ialah sektor yang berkaitan dengan industri petroleum seperti Petronas, Shell, Exxon dan lainnya. Punca keengganan ini adalah kerana wujudnya keadaan pelaburan yang berisiko seperti penafian wang royalti, rakyat bangkit bagi menuntut wang royalti minyak, hubungan tegang antara kerajaan pusat dan negeri dan sebagainya. Kesan utama dari tiadanya kemasukan pelabur ini ialah tertutupnya peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan menyebabkan ratusan ribu daripada mereka berhijrah mencari pekerjaan di luar Kelantan, khususnya di Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang.

Kelima, implikasi penafian royalti minyak oleh kerajaan pusat juga menyebabkan hubungan kerajaan pusat dan negeri menjadi tegang. Keadaan inilah yang menyebabkan kerajaan negeri membawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan pada 3 Oktober 2012 untuk mencari jalan penyelesaiannya setelah perundingan antara dua peringkat kerajaan tersebut gagal mencapai kata sepakat. Antara alasan kerajaan negeri membuat permohonan saman ini adalah kerana keengganan kerajaan pusat membayar RM8 bilion daripada hasil petroleum yang diperolehinya sejak tahun 2004 lagi kepada kerajaan negeri (Husam Musa 2009). Kerajaan pusat membalas saman ini dengan menegaskan kerajaan negeri tidak layak kepada bayaran royalti ini kerana minyak yang dijumpai tersebut terletak di luar dari kawasan 3 batu nautika dari pesisir pantai. Sebagai gantinya, kerajaan pusat menyatakan mereka menggantikannya dengan bayaran wang ehsan dengan disalurkan melalui JPP. Tindakan kerajaan pusat ini menunjukkan Petronas telah melanggar dua perjanjian iaitu Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan Perjanjian antara Menteri Besar dengan Tengku Razaleigh Hamzah pada 9 Mei 1975. Tindakan kerajaan pusat ini adalah satu pencabulan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga prinsip federalisme yang menjadi amalan dalam sistem pemerintahan negara.

Keenam, sumber kewangan kerajaan negeri Kelantan terjejas teruk akibat tindakan kerajaan pusat menafikan tuntutan royalti minyak kerajaan negeri. Kesannya, kerajaan negeri tidak dapat beroperasi dengan baik bagi membawa pembangunan kepada rakyat dan negeri. Hal ini tidak termasuk keperluan kerajaan negeri untuk membayar gaji kakitangan awam, kakitangan kontrak dan sambilan, bayaran utiliti, elaun dan gaji bagi kakitangan badan-badan berkanun, agensi dan pihak berkuasa tempatan yang jumlahnya melebihi ribuan orang.

Ketujuh, penafian wang royalti kerajaan negeri ini juga menyebabkan timbulnya kesukaran pihak Petronas untuk mendapatkan kerjasama dari kerajaan negeri ke atas tanah yang diperlukan untuk aktivitinya. Seperti yang termaktub di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, tanah merupakan hak milik negeri sama ada di darat dan di laut. Oleh itu, Petronas perlu memberi kerjasama kepada kerajaan negeri bagi mengelakkan daripada berlakunya konflik dan tindakan undang-undang daripada kerajaan negeri. Sekiranya premium tanah yang disewa oleh Petronas dinaikkan kerajaan negeri,

maka tentunya kos operasi Petronas meningkat dan ia menyebabkan harga petrol dan gas terpaksa dinaikkan, sekaligus memberi kesan kepada rakyat dan negara.

Jelaslah tindakan kerajaan pusat menafikan wang royalti minyak telah mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap politik federalisme yang merupakan sistem politik negara ini. Hasil perbincangan menunjukkan tindakan kerajaan pusat ini menyebabkan sistem federalisme dicabul, wujudnya implikasi terhadap persempadanan negeri, projek pembangunan terpaksa dibekukan kerana kekurangan dana, kurangnya keyakinan pelabur asing untuk datang melabur di negeri Kelantan, hubungan kerajaan pusat menjadi tegang, sumber kewangan terjejas teruk dan timbulnya kesukaran Petronas untuk berhubung dengan kerajaan negeri bagi isu penyewaan tanah. Walaupun kesan keengganan kerajaan pusat ini besar kepada politik federalisme negara dan pembangunan Kelantan, namun kerajaan pusat tidak peka dengan kesan yang negatif ini. Seharusnya kerajaan pusat peka dengan perjalanan sistem federalisme negara supaya pembangunan di setiap negeri di Malaysia berjalan dengan baik dan seimbang.

## **RUMUSAN**

Artikel ini menilai impak isu royalti minyak Kelantan terhadap pembangunan Kelantan dan hubungan antara kerajaan pusat dan negeri Kelantan. Hasil perbincangan telah menunjukkan tindakan kerajaan pusat menolak tuntutan royalti minyak Kelantan telah memberi kesan kepada pembangunan Kelantan. Ini dapat dilihat dari tergendalanya pembinaan lebuh raya rakyat, pembinaan stadium baharu, bantuan pendidikan percuma, bantuan kewangan kepada anak-anak yang ingin meneruskan pengajian, baik pulih sistem bekalan air, projek menaik taraf tahap kebersihan negeri, bantuan bagi membasmi isu kemiskinan dan sebagainya. Kesemua projek tersebut memerlukan dana yang besar untuk dibangunkan di negeri Kelantan. Oleh itu, dengan tidak adanya wang royalti yang sepatutnya menjadi hak milik rakyat Kelantan, maka kerajaan negeri gagal merealisasikan matlamat pembangunan dan kebajikan negerinya sebagaimana yang telah dirancang.

Dalam konteks impaknya kepada politik federalisme, hasil perbincangan telah menunjukkan beberapa kesan utama. Antaranya ialah wujudnya hubungan tidak harmoni antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri, wujudnya implikasi ke atas sempadan negeri, mencabul prinsip federalisme yang menjadi sistem pemerintahan negara, menakutkan pelabur untuk datang melabur di Kelantan kerana melihat negeri ini menjadi tempat berisiko untuk melabur, sumber kewangan negeri terjejas dan tidak cukup untuk menampung projek pembangunan di Kelantan, dan menjejaskan kedudukan Petronas untuk mendapat kerjasama kerajaan negeri dalam hal ehwal tanah untuk mengembangkan operasinya. Artikel ini telah berhujah berlakunya hal seperti ini adalah berpunca daripada berbezanya fahaman dan ideologi politik antara kerajaan pusat dan negeri. Oleh itu, sewajarnya kerajaan pusat dan negeri duduk semeja dan berbincang bagi mengatasi masalah yang berlaku secara bersemuka supaya konflik ini dapat diselesaikan. Jika perkara ini dapat dilakukan, maka wujudlah persefahaman politik yang matang dan profesional serta kebajikan rakyat dan negara dapat dijaga dengan sebaiknya.

## RUJUKAN

- Ariffin Samsuri. 1992. *Perkembangan industri petroleum dan sumbangannya kepada negara*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Arif Hakimi Zulkifli. 2013. Hasrat Nik Aziz mahu bina stadium olimpik umpama projek pejam mata. *Utusan Online* 2 April. <http://utusan-online.com/home/hasrat-nik-aziz-mahu-bina-stadium-olimpik-umpama-projek-pejam-mata/> [11 Oktober 2016].
- Asma Hanim. 2012. Lebih raya rakyat satu realiti: Nik Aziz. *Utusan Online* 29 Mei. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130323/dn\\_28/Lebih-raya-rakyat-satu-realiti-Nik-Aziz](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130323/dn_28/Lebih-raya-rakyat-satu-realiti-Nik-Aziz) [11 Oktober 2016].
- Azman Anuar. 2013. Kelantan tidak mampu siapkan lebih raya. *Utusan Online* 15 Februari. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0215&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0215&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm&arc=hive) [11 Oktober 2016].
- Berita Harian. 2013. Najib umum tujuk projek besar di Kelantan. 20 Januari. <http://www.beritaharian.com.my/berita-malaysia/najib-umum-tujuh-projek-besar-di-kelantan-4529> [19 Disember 2016].
- Berita Harian. 2013. Rakyat Kelantan masih ramai yang miskin: Prof Ibrahim. 16 Mac. <http://www.beritaharian.com.my/berita-malaysia/rakyat-kelantan-masih-ramai-yang-miskin-7834> [19 Disember 2016].
- Bernamea. 2009. Petronas group results for the financial year ended 31 March 2009. *Bernamea* 25 Jun. <http://mrem.bernama.com/viewsm?idm=13317> [19 September 2016].
- Bernamea. 2012. Kelantan bina lebuhraya, inisiatif swasta & rakyat. *Bernamea* 21 Ogos. <http://www.pmbk.gov.my/index.php/ms/info-kelantan-bina-lebuhraya-inisiatif-swasta-ekonomi-2012>. [11 Oktober 2016].
- Hasani Mohamed 2013. Pendedahan: Pengeluaran Terbaru di Medan Gas Kelantan. *Warta Kelantan*. 30 April. <http://royaltikelantan.com/archive/?s=bunga+dahlia&x=0&y=0> [19 September 2016].
- Husam Musa. 2009. Isu royalti minyak: kerajaan Kelantan menolak wang ihsan dan tuntutan royalti. *Malaysiakini*. 4 November. <https://www.malaysiakini.com/news/123778> [19 Disember 2016].
- Husam Musa. 2012. Tindakan Petronas Membayar 5% Bahagian Kelantan Kepada Kerajaan Persekutuan adalah Jenayah Pecah Amanah. *R Tuntut Royalti* 1 Disember. <http://royaltikelantan.com/archive/2012/12/tindakan-petronas-membayar-5-bahagian-kelantan-kepada-kerajaan-persekutuan-adalah-jenayah-pecah-amanah/> [11 Oktober 2016].

- Husam Musa. 2012a. Kronologi kes saman kerajaan Kelantan terhadap Petronas berkenaan isu royalti petroleum. *Warta Negeri*. 7 Oktober. <http://www.wartanegeri.my/2012/10/royalti-kronologi-kes-saman-kelantan.html> [19 Disember 2016].
- Husam Musa. 2013. Kelantan temui minyak di KB. *Sinar Harian Online* 23 Januari. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/husam-kelantan-temui-minyak-di-kb-akan-usaha-sendiri-1.124519> [19 September 2016].
- Jabatan Perangkaan Negara. 2015. *Laporan Penduduk Negeri Kelantan 2015*. Kota Bharu: Jabatan Perangkaan Negeri Kelantan.
- Jamilah Hamzah. 2012. Pas: BN dosa besar tidak bina Lebuhraya KB-Kuala Krai. *Sinar Harian Online* 17 Oktober. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/pas-bn-dosa-besar-tidak-bina-lebuhraya-kb-kuala-krai-1.95519> [12 September 2016].
- Khairul Faizi Ahmad Kamil. 2012. Penangguhan pembinaan lebuhraya Kota Bahru-Kuala Krai dan di mana integriti pemerintah. *Kelantankini*. 14 Jun. <http://www.kelantankini.my/2014/05/berita-terkini-20-may-2014.html> [19 Disember 2016].
- Loh Kok Wah, F. 2009. *Old vs New Politics in Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Mohammad Agus Yusoff. 2004. Politik Terengganu selepas pilihan raya umum 1999: dari royalti ke wang ihsan. *Jebat* 31: 87-107.
- Mohammad Agus Yusoff. 2006. *Malaysian federalism: Conflict or consensus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. 2009. Royalti: 5 asas kukuh kenapa Pusat wajib bayar. *Harakah Daily* 25 Disember. <http://arkib.harakahdaily.net/arkibharakah/index.php/arkib/berita/lama/2009/12/23867/royalti-5-asas-kukuh-kenapa-pusat-wajib-bayar.html> [20 September 2016].
- Mohammad Agus Yusoff. 2013. Pengurusan Kerajaan Tempatan. *Mohammad Agus Yusoff Facebook* 17 Oktober. <https://www.facebook.com/mohammadagus.yusoff/posts/10202397835> [11 Oktober 2016].
- Mohd Salleh Abas. 2010. Isu Royalti Minyak Kelantan: Jawapan Kelantan kepada 8 soalan BN. *Salleh Abas Blog* 25 Februari. <https://nmjnh.wordpress.com/?s=royalti+minyak&searchbutton=go%21> [19 September 2016].
- Najman, S. 2013. Lebuhraya Rakyat inisiatif negeri setelah banyak kali ditangguh: Dato' Husam Musa. *Kelantan TV* 14 Mac. <http://www.kelantantv.my/v1/blog-ktv/44-lebuhraya-rakyat-inisiatif-negeri-setelah-banyak-kali-ditangguh-dato-husam-musa> [11 Oktober 2016].

- Nazri Deraman. 2013. Asas Tuntutan Royalti Kelantan, Respon kepada Datuk Mustapha Mohamed. *R Tuntut Royalti* 2 Februari. <http://royaltikelantan.com/archive/2013/02/asas-tuntutan-royalti-kelantan/> [19 September 2016].
- Nazri Deraman. 2012. 'Merdeka-Royalti' gegar dataran stadium. *R Tuntut Royalti* 31 Ogos. <http://royaltikelantan.com/archive/category/berita/page/9/> [19 September 2016].
- Petronas. 1986. *Petronas dan industri petroleum Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Awam.
- Raja Nur Alaini Binti Raja Omar. 2012. A historical perspective of federalism in Malaysia and its effects on the current system of federalism. *International Journal of Business, Economics and Law* (2):125-129.
- Rosmiza Kasim. 2013. Husam: 7 janji BN tiru projek BN. *Sinar Harian*. 23 Januari. <http://www.sinarharian.com.my/politik/husam-7-janji-bn-tiru-projek-kelantan-1.124150> [19 Disember 2016].
- Shafruddin, B.H. 1987. *The federal factor in the government and politics of Peninsular Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Tengku Razaleigh Hamzah. 2012. Selesai Segera Isu Royalti. *Tengku Razaleigh Hamzah Blog* 8 Ogos. [http://tengkurazaleighhamzah.com/index.php?option=comcontent &view=article &id=310:selesai-segera-isu-royalti&catid=50:blog&Itemid=131](http://tengkurazaleighhamzah.com/index.php?option=comcontent&view=article&id=310:selesai-segera-isu-royalti&catid=50:blog&Itemid=131) [19 September 2016].
- Torek Sulong. 2011. Jalan rosak sejak 10 tahun. *Utusan Online* 15 April. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0415&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Timur&pg=wt\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0415&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_01.htm) [11 Oktober 2016].
- Undang-Undang Malaysia. *Akta Pelantar Benua 1966*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Undang-undang Malaysia. *Akta Kemajuan Petroleum 1974*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Undang-Undang Malaysia. 2009. *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya: Golden Book Centre.
- Undang-undang Malaysia. 2012. *Akta Laut Wilayah 2012*. (Akta 750).
- Wheare, K.C. 1967. *Federal Government*. London: Oxford University Press.
- Yulpisman Asli. 2013. Air: Kelantan perlu RM2 bilion. *Utusan Online* 9 Oktober. [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20131009/dn\\_09/Air-Kelantan-perlu-RM2-bilion](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131009/dn_09/Air-Kelantan-perlu-RM2-bilion) [2 September 2016].



**ZAILANNI AMIT**  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor